

**UCAPAN OLEH PRESIDEN MUIS
HJ MOHD ALAMI MUSA
DI MESYUARAT MAJLIS MASJID-MASJID
DI MASJID AR-RAUDHAH
SABTU, 24 APR 2010**

Masjid seperti institusi masyarakat lain menjalani proses evolusi. Institusi masjid tidak statik. Malah ia berkembang mengikut tahap pembangunan masyarakat.

2 Pada tahun-tahun sebelum merdeka, fungsi masjid umumnya berkisar sekitar solat berjemaah, majlis-majlis agama seperti tahlil, kenduri dan perayaan hari-hari kebesaran Islam dan sebagainya. Masjid ketika itu digerakkan oleh orang kampung, dibantu dengan imam, bilal dan noja yang ada kalanya menerima habuan sagu hati atau tidak menerima apa-apa langsung.

3 Apabila masjid-masjid kampung berpindah ke estet-estet perumahan awam yang mula dibangunkan pada tahun-tahun tujuh puluhan dan lapan puluhan, selain sukarelawan, tenaga kerja sepenuh masa mula diperlukan kerana urusan pentadbiran, kewangan dan kegiatan-kegiatan masjid yang semakin besar.

4 Jangkaan masyarakat terhadap masjid terus meningkat pada tahun-tahun sembilan puluhan. Masyarakat yang lebih canggih mahu masjid memulakan tadika, madrasah, kelas-kelas agama yang berstruktur untuk golongan dewasa dan kegiatan-kegiatan berbentuk sosial. Dan pada hari ini masjid-masjid di estet-estet perumahan awam merangkumi segala fungsi sosio-agama yang diperlukan oleh masyarakat. Peranan masjid kita pada hari ini jauh berbeza berbanding tahun-tahun sebelum merdeka atau pun tahun-tahun tujuh-puluhan,

lapan puluhan dan sembilan puluhan. Masjid kita pada hari ini berfungsi semacam Pusat Islam – lengkap dengan dewan solat/kawasan iktikaf, prasarana untuk pendidikan (tadika), ruang untuk pembelajaran Islam/dakwah, kemudahan-kemudahan untuk pembangunan sosial (untuk belia, keluarga dan warga emas). Masjid kita juga kini bersifat dinamis. Kegiatan masjid tidak lagi terhad dalam kawasan masjid sahaja atau memerlukan agar jemaah datang ke masjid. Semakin banyak masjid kita yang giat mendekati masyarakat, membawa kegiatan-kegiatan ke luar masjid. Contohnya Masjid Mujahidin yang mempunyai ramai jemaah warga emas. Baru-baru ini, oleh kerana ada jemaah yang uzur dan tidak dapat datang ke masjid untuk mendengar ceramah, para pegawai dan sukarelawanannya telah membawa komputer riba dan peralatan lain agar jemaah dapat mengikuti ceramah secara langsung dari ruang tamu mereka. Banyak lagi masjid lain juga telah memperkenalkan berbagai program inovatif seperti program mendekati belia “Beyond the Minaret” dan Masjid sebagai pusat pembelajaran pengkhususan Islam seperti Tamadun Islam di Masjid Assyakirin dan Darul Hadith di Masjid Assyafaah.

5 Di samping itu, dalam konteks negara kita, masjid telah juga memainkan peranan aktif di dalam menjalin perpaduan sosial dan keharmonian agama.

6 Oleh kerana institusi masjid kita telah berkembang begitu pesat sekali untuk menjadi semacam Pusat Islam, kita perlukan sukarelawan masjid yang bersedia untuk berkorban dan tahap pengurusan sepenuh masa yang lebih tinggi dan tenaga kerja yang terlatih.

7 Alhamdulillah dengan formula ini, masjid-masjid di Singapura berjaya oleh kerana kita mempunyai angkatan sukarelawan dan tenaga

kerja serta tenaga pengurusan yang baik. Gandingan bahu di antara sukarelawan dan tenaga sepenuh masa merupakan faktor kejayaan kita yang mesti dipelihara. Kita tidak boleh hanya bergantung kepada satu golongan sahaja. Kita perlukan kedua-dua golongan – sukarelawan dan tenaga kerja sepenuh masa (termasuk tenaga profesional) untuk menjayakan masjid kita. Kejayaan masjid kita juga telah dapat banyak pengiktirafan dari dalam dan luar negara yang sama-sama boleh kita banggakan.

8 Alhamdulillah, masyarakat kita prihatin dengan perkembangan masjid dan mereka telah memberi maklum balas dari masa ke masa mengenai pengurusan, pentadbiran, operasi serta penyelenggaraan masjid untuk terus memakmurkan masjid kita. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas semua maklum balas yang diterima. Muis meneliti semua maklum balas dari masyarakat dan di mana mungkin telah dan akan terus membuat pembaikan atau peningkatan dan menerap ide-ide yang munasabah.

9 Salah satu maklum balas yang kami terima adalah mengenai mutu kuliah-kuliah dan tazkirah yang dijalankan di masjid. Peningkatan mutu program pembelajaran Islam di masjid-masjid kita merupakan salah satu teras utama dalam Pelan 3 tahun Muis Ketiga yang baru sahaja dilancarkan di Seminar Kerja Muis dua Minggu yang lalu.

10 Alhamdulillah, pada umumnya para asatizah kita telah banyak menjalani proses peningkatan. Kita dapat lihat mereka mampu untuk menyampaikan ilmu yang bernas dengan cara yang berkesan. Para jemaah tersentuh dengan isi kandungan kuliah mereka. Malah, mereka sehebat pensyarah-pensyarah terkenal dari luar negeri.

11 Walaupun keadaan memuaskan, kita perlu menjadi lebih baik. Muis akan berkerja rapat dengan pihak masjid untuk memperbaiki lagi mutu kuliah dan sesi-sesi ilmu (seperti syarahan) yang dijalankan di masjid. Pejabat Mufti sedang menyiapkan buku panduan yang antara lain membantu masjid kita untuk memilih dengan baik tajuk-tajuk kuliah agama, melakarkan synopsis kuliah dan mengenal pasti pengajaran-pengajaran yang boleh diamalkan oleh jemaah. Buku panduan ini akan juga membantu pihak masjid membincangkan dengan pensyarah mengenai kandungan yang akan disampaikan. Akhir sekali, kami akan menggariskan kaedah untuk pihak masjid menilai keberkesanan sesuatu kuliah agama

12 Untuk membantu masjid, Pejabat Mufti akan mengadakan bengkel latihan untuk pegawai dakwah supaya mereka dapat merancang dan memastikan mutu yang baik untuk kuliah-kuliah agama di masjid, mengikut buku panduan. Tambahan pula, Pejabat Mufti akan sering mengadakan perbincangan dengan para pensyarah atau pembimbing kuliah supaya mereka akan terus diberi maklum balas serta ide-ide untuk mempertingkatkan lagi mutu hujah-hujah mereka.

13 Alhamdulillah, dengan berkat usaha para asatizah kita, mutu kuliah-kuliah agama di masjid kita adalah baik. InsyaAllah, dengan usaha-usaha yang telah saya nyatakan tadi kita dapat mempertingkatkan lagi mutu ke tahap yang lebih tinggi. Akhir kata, saya ingin mengulangi komitmen Muis untuk meneliti maklum balas masyarakat mengenai pengurusan dan perjalanan masjid dan menggunakannya untuk menguatkan lagi institusi masjid kita. Terima kasih.